



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 10 /1998
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berhak untuk mendapatkan Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardu Haji adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan-permohonan mereka untuk dipertimbangkan bagi Musim Haji 1999 [1419 Hijriah]. Permohonan-permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 31 Julai 1998 dan permohonan-permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan. Syarat-syarat bagi pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang boleh memohon tambang ini adalah seperti syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 8/1997 Ruj: JPM/SK/8/1997 bertarikh 29 Zulhijah 1417 bersamaan dengan 7 Mei 1997 kecuali perkara-perkara 3 dan 5 di muka surat 2/4 Surat Keliling tersebut diubah seperti berikut:-

1. Perkhidmatan selama 15 tahun bererti perkhidmatan tetap bergaji bulan, dari sebulan kesebulan atau open-vote dikira dari tarikh mula berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji bulan hinggalah kepada tarikh terakhir iaitu 31 Julai 1998 tetapi tidaklah termasuk perkhidmatan dalam bergaji hari.
2. Mereka yang telah dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu Haji bagi Musim Haji 1998 [1418 Hijriah] yang tidak meneruskan pemergiannya dan berhajat untuk menunaikannya pada tahun 1419H/1999M adalah dikehendaki untuk menghantar borang permohonan yang baru bagi dipertimbangkan semula.

Kedua-dua perkara 1 dan 2 di atas adalah bagi menggantikan perkara-perkara 3 dan 5 dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 8/1997 yang tersebut di atas.

(PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA 1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Ruj: (10)JPM/SK/11/98

Tarikh: 22 Zulhijah 1418
20 April 1998

PTK2/rhh (11)